

**UNITAR Sabah Pelopori Kaedah Pengajaran Melalui E-book
Bernama
5 Mac, 2014**

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Universiti Antarabangsa (UNITAR) Kampus Sabah kini memelopori kaedah pengajaran serta pembelajaran melalui 'E-Book' sejak September tahun lepas sekali gus menjadi institusi pengajian tinggi swasta pertama di negeri ini menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif Sabah International Dynamic Management College (Sidma Sabah) Azizah Khalid Merican berkata melalui E-Book, setiap pelajar yang mendaftar akan mendapat akses kepada sistem universiti iaitu Unitar Education Core (UNIEC) mengikut bidang pengajian yang dipilih.

"Melalui E-Book yang diterbitkan oleh Pearson ini memudahkan pelajar untuk berhubung dengan pensyarah-pensyarah bagi setiap subjek yang dipelajari di samping memudahkan proses mengulang kaji," katanya dalam sidang media sempena pengenalan Program Pembangunan Eksekutif dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di sini, Rabu.

Beliau berkata Sidma Kolej, adalah kolej yang bertanggungjawab dalam menguruskan program di bawah UNITAR termasuk UNIEC.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial UNITAR Prof. Madya Dr. Zaida Mustafa berkata penggunaan 'E-Book' merupakan alat pembelajaran yang memudahkan para pelajar mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan mengikut peredaran teknologi masa kini.

"Dengan adanya 'E-Book' ini, proses pembelajaran boleh dijalankan secara dalam talian di mana jua pelajar berada dan ia perlu diperluaskan lagi penggunaannya kepada setiap pelajar," katanya.

Turut hadir Dekan Sekolah Siswazah UNITAR Prof. Dr. Abdul Razak Ibrahim dan Pengarah Pemasaran Sidma Sabah Azlina Ngatimin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019573>